

Cadang Malaysia segera beralih kepada sistem dinar emas

Kuala Lumpur: Malaysia perlu mempertimbangkan dengan segera untuk beralih kepada sistem dinar emas bagi mengurangkan kebergantungan ekonomi kepada negara Barat.

Pensyarah di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Anuar Shah Bali Mahomed berkata, dengan menggunakan sistem dinar emas, ia

akan memperkuuh sistem ekonomi negara Islam.

Katanya, sudah tiba masa Malaysia menggunakan dinar emas dan perdagangan barter dalam kalangan negara Islam bagi menangani kejatuhan ringgit.

"Emas mempunyai nilai yang stabil dan berpotensi mempunyai nilai lebih tinggi pada masa akan datang.

"Ia juga berpotensi untuk

tidak mudah dipengaruhi oleh inflasi. Ini menjadikan mata wang berdasarkan emas lebih berpotensi mempunyai kadar pertukaran lebih stabil, berbanding mata wang kertas yang boleh dicetak mengikut keperluan.

"Emas sentiasa dianggap sebagai sa-

lah satu aset penting dalam kehidupan manusia sejak dulu lagi dan berpotensi menarik lebih ramai pelabur, terutamanya pada ketika ekonomi dunia yang tidak menentu khususnya pada masa ini.

"Umum mengetahui ekonomi dunia dan negara tidak menentu dan

nilai emas sentiasa dilihat oleh pelabur sebagai nilai yang lebih terjamin, berbanding sebahagian besar aset lain," katanya.

Menurutnya, emas juga sebagai perisai terhadap krisis kewangan di mana sistem dinar emas mempunyai daya tahan lebih baik, jika berlaku krisis kewangan dan kejatuhan mata wang.

Beliau berkata, paling

utama, nilai emas lebih dipercayai, terjamin dan mampu bertahan atau meningkat semasa krisis.

"Dinar emas adalah satu bentuk pelaksanaan kewangan Islam dan melaluiinya, ia akan menyatukan negara Islam khususnya apabila negara Islam terabit menggunakan mata wang yang sama iaitu dinar emas dalam sebarang bentuk transaksi," katanya.

**Nilai emas
stabil dan berpotensi
mempunyai nilai
lebih tinggi**